



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN

BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021:

CIRI-CIRI DEMOGRAFI, ISIRUMAH DAN PERUMAHAN

REPORT OF THE

POPULATION AND HOUSING CENSUS (BPP) 2021:

DEMOGRAPHIC, HOUSEHOLD AND HOUSING

CHARACTERISTICS



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LAPORAN BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021:
CIRI-CIRI DEMOGRAFI, ISIRUMAH DAN PERUMAHAN**

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 bermula dari bulan Januari hingga Disember 2021.
2. Objektif utama BPP 2021 adalah untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah penduduk dan isirumah di negara ini serta ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi penduduk, di samping untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah perumahan dan ciri-ciri keadaan perumahan tersebut serta kemudahan-kemudahan isirumah di Negara ini.
3. JPES telah mengeluarkan **Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021: Ciri-ciri Demografi, Isirumah dan Perumahan** berasaskan data muktamad dan memaparkan data akhir mengenai bilangan dan ciri-ciri utama demografi penduduk di samping maklumat mengenai keluarga atau isirumah dan tempat kediaman di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021. Oleh itu data ini menggantikan data dalam Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021 yang telah dikeluarkan pada Oktober 2021.

4. Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam laporan BPP 2021 ini adalah seperti berikut:

4.1 Penduduk

- 4.1.1 Jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2021 adalah seramai 440,715 orang berbanding dengan 393,372 orang semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2011, iaitu purata tahunan sebanyak 1.1 peratus dalam tempoh 2011-2021.
- 4.1.2 Jumlah penduduk ini terdiri daripada 232,194 orang lelaki (52.7 peratus) dan 208,521 orang perempuan (47.3 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 111 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.
- 4.1.3 Mengikut taraf penduduk, Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 75.7 peratus (333,669 orang), manakala agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 5.9 peratus (25,834 orang) dan 18.4 peratus (81,212 orang).
- 4.1.4 Daerah Brunei Muara mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 72.3 peratus (318,530 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh daerah Belait (14.9 peratus atau 65,531 orang), daerah Tutong (10.7 peratus atau 47,210 orang) dan daerah Temburong (2.1 peratus atau 9,444 orang).
- 4.1.5 Dari aspek taburan umur, 20.5 peratus (90,376 orang) dari jumlah penduduk adalah berumur dibawah 15 tahun, 73.2 peratus (322,445 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 6.3 peratus (27,894 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2021 adalah 31.7 tahun.
- 4.1.6 Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini pada kadar 67.4 peratus (297,016 orang) dari jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing terdiri dari 9.6 peratus (42,132 orang) dan 23.0 peratus (101,567 orang) dari jumlah penduduk.

- 4.1.7 Majoriti penduduk negara ini adalah beragama Islam, merangkumi sebanyak 82.1 peratus (362,035 orang) pada tahun 2021.
- 4.1.8 Dari jumlah penduduk yang berumur 15 tahun dan ke atas, lebih daripada separuh iaitu sebanyak 55.4 peratus atau 193,965 orang telah berkahwin, manakala 38.6 peratus atau 135,137 orang adalah masih bujang.
- 4.1.9 Lebih tiga-suku (79.2 peratus atau 349,135 orang) dari jumlah penduduk dalam tahun 2021 telah dilahirkan di Negara Brunei Darussalam, termasuk 6,699 Penduduk Sementara. Bilangan penduduk kelahiran asing ialah seramai 91,580 orang, yang merupakan 20.8 peratus dari jumlah penduduk. Dari bilangan ini, 18.6 peratus (17,067 orang) adalah Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap yang telah dilahirkan di luar negeri.
- 4.1.10 Daerah Brunei Muara merupakan daerah yang paling padat dengan 558 orang bagi setiap kilometer persegi kawasan tanah. Daerah Belait mempunyai hanya 24 orang bagi setiap kilometer persegi. Manakala Daerah Tutong dan Temburong masing-masing mempunyai kepadatan 40 orang setiap kilometer persegi dan 7 orang setiap kilometer persegi. Secara keseluruhan, Negara Brunei Darussalam masih mempunyai kepadatan penduduk yang rendah dengan 76 orang bagi setiap kilometer persegi.

4.2 Perumahan dan Isirumah

- 4.2.1 Semasa Banci 2021, tempat kediaman atau unit perumahan yang didiami di Negara Brunei Darussalam adalah sebanyak 83,810 buah, peningkatan sebanyak 18,417 dari Banci 2011.
- 4.2.2 Daerah Brunei Muara mempunyai bilangan tempat kediaman yang didiami yang tertinggi sebanyak 59,472 buah (71.0 peratus).
- 4.2.3 Jumlah keluarga atau isirumah pada tahun 2021 adalah sebanyak 87,137 berbanding dengan 68,237 semasa Banci 2011.
- 4.2.4 Saiz purata isirumah adalah seramai 5.1 orang ahli.

4.3 Taburan dan Pertumbuhan Penduduk mengikut Kampung

4.3.1 Jumlah penduduk mengikut kampung menunjukkan perbezaan yang ketara semasa tempoh 2011-2021. Lima kampung teratas yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi adalah:

- i. Perumahan Negara Kampung Panchor, Daerah Brunei Muara (13,358 orang atau 3.0 peratus)
- ii. Kampung Tanah Jambu, Daerah Brunei Muara (11,695 orang atau 2.7 peratus)
- iii. Kampung Panaga, Daerah Belait (10,301 orang atau 2.3 peratus)
- iv. Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong (9,835 orang atau 2.2 peratus)
- v. Kampung Meragang, Daerah Brunei Muara (9,190 orang atau 2.1 peratus)

4.3.2 Di antara lima kampung teratas yang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi adalah:

- i. Kampung Sabun, Daerah Brunei Muara (10.4 Peratus)
- ii. Kampung Lugu, Daerah Brunei Muara (10.2 peratus)
- iii. Perumahan Negara Lumut Kawasan 2, Daerah Belait (7.8 peratus)
- iv. Perumahan Negara Kampung Panchor, Daerah Brunei Muara (5.2 peratus)
- v. Kampung Sengkurong B, Daerah Brunei Muara (4.8 peratus)

Di antara faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di kampung tersebut adalah disebabkan oleh bertambahnya bilangan penduduk di kawasan perumahan Negara.

5. Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun (*Mid-Year Population Estimates*) bagi tahun 2017 hingga 2020 yang dikeluarkan adalah juga disemak semula berasaskan data akhir Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021. Perangkaan ini akan dimuatkan di dalam *Brunei Darussalam Statistical Yearbook (BDSYB) 2021*.

6. Laporan BPP 2021: Ciri-ciri Demografi, Isirumah dan Perumahan boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

| | | |
|----------------|---|-----------------------------|
| Telefon | : | 2233344 (waktu pejabat) |
| E-mel | : | info.statistics@jpes.gov.bn |
| Laman sesawang | : | deps.mofe.gov.bn |



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**REPORT OF THE POPULATION AND HOUSING CENSUS (BPP) 2021:
DEMOGRAPHIC, HOUSEHOLD AND HOUSING CHARACTERISTICS**

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Statistics (JPES) has conducted the **Population and Housing Census (BPP) 2021** starting from January to December 2021.*
2. *The main objective of BPP 2021 was to collect comprehensive and latest information on the total count as well as demographic, social and economic characteristics of the population; as well as to collect comprehensive and latest information on the total number of living quarters with housing characteristics and availability of household amenities.*
3. *JPES has released the Report of the Population and Housing Census (BPP) 2021: Demographic, Household and Housing Characteristics based on the final data and presents the data on the number and key demographic characteristics of the population, households and housing units of Brunei Darussalam in 2021. Therefore, this supersedes the data in the Report of the Preliminary Count of Total Population 2021 released in October 2021.*
4. *The main findings included in this BPP 2021 report are as follows:*

4.1 Population

- 4.1.1 *The total population of Brunei Darussalam during the Population and Housing Census 2021 was 440,715 persons compared to 393,372 in the 2011 Census, which represented an average annual growth rate of 1.1 per cent during the period 2011-2021.*

- 4.1.2 *The population was made up of 232,194 males (52.7 per cent) and 208,521 females (47.3 per cent). The sex ratio was 111 males for every 100 females.*
- 4.1.3 *By residential status, Brunei Citizens accounted for the largest share of 75.7 per cent (333,669 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 5.9 per cent (25,834 persons) and 18.4 per cent (81,212 persons) respectively.*
- 4.1.4 *The Brunei Muara District was the most populated district with 72.3 per cent (318,530 persons) of the total population. This was followed by the Belait District (14.9 per cent or 65,531 persons), the Tutong District (10.7 per cent or 47,210 persons) and the Temburong District (2.1 per cent or 9,444 persons).*
- 4.1.5 *From the age distribution aspect, 20.5 per cent (90,376 persons) of the total population were below 15 years of age, 73.2 per cent (322,445 persons) were in the working age group of 15-64 years and 6.3 per cent (27,894 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2021 was 31.7 years.*
- 4.1.6 *The Malays with 67.4 per cent (297,016 persons) of the total population formed the largest community in the country in 2021. The racial groups of Chinese and others comprised 9.6 per cent (42,132 persons) and 23.0 per cent (101,567 persons) of the population respectively.*
- 4.1.7 *Majority of the country's population were Muslims comprising of 82.1 per cent (362,035 persons) in 2021.*
- 4.1.8 *More than half (55.4 per cent or 193,965 persons) of the total population aged 15 years and over were married, while 38.5 per cent (135,137 persons) were still single.*
- 4.1.9 *More than three-quarters (79.2 per cent or 349,135 persons) of the total population in 2021 were born in Brunei Darussalam, including 6,699 Temporary Residents. The number of foreign-born population was 91,580 persons, accounting for 20.8 per cent of the total population. Out of this number, 18.6 per cent (17,067 persons) were Brunei Citizens and Permanent Residents who were born abroad.*

4.1.10 *Brunei Muara district was the most densely populated district with 558 persons per square kilometre. Belait District had only 24 persons per square kilometre. While Tutong District and Temburong District had population density of 40 persons per square kilometre and 7 persons per square kilometre respectively. Overall, Brunei Darussalam remained sparsely populated with 76 persons per square kilometre.*

4.2 Housing and Household

4.2.1 *In the 2021 Census, the total number of occupied living quarters or housing units in Brunei Darussalam was 83,810 an increase of 18,417 from the 2011 Census.*

4.2.2 *Brunei Muara District had the largest number of housing units at 59,472 housing units (71.0 per cent).*

4.2.3 *The total number of households was 87,137 compared to 68,237 in the 2011 Census.*

4.2.4 *The average size of households was 5.1 members.*

4.3 Population Distribution and Growth by Kampung

4.3.1 *Population by kampung showed significant variation during the 2011-2021 period. The top five kampung with the highest number population were:*

- i. Perumahan Negara Kampung Panchor, Brunei Muara District (13,358 persons or 3.0 per cent)*
- ii. Kampung Tanah Jambu, Brunei Muara District (11,695 persons or 2.7 per cent)*
- iii. Kampung Panaga, Belait District (10,301 persons or 2.3 per cent)*
- iv. Kampung Bukit Beruang, Tutong District (9,835 persons or 2.2 per cent)*
- v. Kampung Meragang, Brunei Muara District (9,190 persons or 2.1 per cent)*

- 4.3.2 Among top five kampung that recorded high population growth rates were:
- i. Kampung Sabun, Brunei Muara District (10.4 per cent)
 - ii. Kampung Lugu, Brunei Muara District (10.2 per cent)
 - iii. Perumahan Negara Lumut Kawasan 2, Belait District (7.8 per cent)
 - iv. Perumahan Negara Kampung Panchor, Brunei Muara District (5.2 per cent)
 - v. Kampung Sengkurong B, Brunei Muara District (4.8 per cent)

One of the main factors contributing to the high population growth rates in the kampung stated was due to the increase in the number of the population in the resettlement areas.

5. *The mid-year population estimates for the years 2017 to 2020 released have now been revised using the latest Population and Housing Census (BPP) 2021 data. This information will be published in the Brunei Darussalam Statistical Yearbook (BDSYB) 2021.*
6. *The Report of the Population and Housing Census (BPP) 2021: Demographic, Household and Housing Characteristics is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

| | | |
|------------------|----------|------------------------------------|
| <i>Telephone</i> | <i>:</i> | <i>2233344 (working hours)</i> |
| <i>E-mail</i> | <i>:</i> | <i>info.statistics@jpes.gov.bn</i> |
| <i>Website</i> | <i>:</i> | <i>deps.mofe.gov.bn</i> |